



PERBADANAN ASET KERETAPI (KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA)

PELUANG KERJAYA DI PERBADANAN ASET KERETAPI

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia mempelawa calon-calon yang berkelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

JENIS LANTIKAN : KONTRAK				
BIL	JAWATAN	BAHAGIAN/ UNIT	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1	Pegawai Tadbir Gred N41	Unit Pengurusan Strategik	1	Kontrak

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN (PSH)				
BIL	GELARAN JAWATAN	BAHAGIAN/ UNIT	KEKOSONGAN	KADAR UPAH (SEHARI) / KELAYAKAN AKADEMIK
1	Pegawai Undang-Undang	Unit Undang-Undang	1	RM100.00 / Ijazah
2	Jurutera (Awam)	Bahagian Pembangunan Tanah	1	RM100.00 / Ijazah
3	Penolong Jurutera (Awam)		1	RM72.00 / Diploma
4	Penolong Jurutera (Mekanikal)		1	RM72.00 / Diploma
5	Penolong Jurutera (Elektrikal)		1	RM72.00 / Diploma
6	Jurufotografi	Unit Hal Ehwal Korporat	1	RM72.00 / Diploma
7	Penolong Pegawai Tadbir	Bahagian Komersial	2	RM72.00 / Diploma

SYARAT WAJIB PERMOHONAN

- i. warganegara Malaysia;
- ii. berumur tidak kurang daripada 18 tahun pada tarikh tutup iklan; dan
- iii. Kepujian Bahasa Melayu di peringkat SPM/SVM
(Sekurangnya Gred C atau yang diiktiraf setaraf dengannya)

CARA MEMOHON

Permohonan boleh dibuat secara atas talian melalui capaian <https://apps.rac.gov.my/ejawatan/>

LOKASI PEJABAT

Perbadanan Aset Keretapi, Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuh IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya, Sepang, Selangor

TARIKH TUTUP IKLAN

Permohonan perlu dikemukakan selewat-lewatnya pada **19 Ogos 2021 pukul 12.00 tengah hari**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan, sila hubungi talian 03-8939 0200 atau emel ke hr@rac.gov.my

CATATAN AM

- i. Calon-calon yang **BERJAYA** sahaja akan dipanggil untuk temuduga dalam tempoh **6 bulan**; dan
- ii. **TEMPOH SAH LAKU** permohonan adalah selama **6 bulan** dari tarikh tutup iklan.

KETERANGAN KEKOSONGAN JAWATAN

PEGAWAI TADBIR GRED N41 (STRATEGIK) – 1 KEKOSONGAN JENIS LANTIKAN : KONTRAK

i. BUTIRAN LANTIKAN

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Professional	
Jadual Gaji	RM 2,080.00 (Minimum) RM 9,546.00 (Maksimum)	
Kadar Elaun	Imbuhan Tetap Perumahan	RM300.00
	Imbuhan Tetap Khidmat Awam	RM300.00
	Bantuan Sara Hidup	RM300.00

ii. SYARAT LANTIKAN

Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda
Bidang/ Kelayakan Khusus	Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji Permulaan	RM2,080.00
Tahap Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda Kepujian
Bidang/ Kelayakan Khusus	Ijazah Sarjana Muda Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
Gaji Permulaan	RM2,283.43

iii. DESKRIPSI TUGAS

Merancang, mengkaji, menyelaras dan memantau perancangan strategik RAC serta menetapkan halatuju RAC bagi mencapai tahap kecemerlangan yang optimum selaras dengan visi, misi serta objektif yang telah disasarkan.

KETERANGAN KEKOSONGAN JAWATAN

PEGAWAI UNDANG-UNDANG – 1 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

DESKRIPSI TUGAS

- a. Membantu menyediakan senarai semak dan dokumen sokongan berhubung kes-kes tunggakan bagi tujuan pengeluaran Notis Tuntutan (*Letter of Demand*);
- b. Membantu dalam penyediaan dokumen-dokumen dan kertas-kertas klausa bagi kes-kes saman yang diperlukan bagi tujuan pemfailan di Mahkamah sekiranya penyewa gagal menjelaskan tunggakan/tiada maklumbalas setelah tamat tempoh LOD;
- c. Membantu memantau pelaksanaan tindakan undang-undang oleh peguam yang dilantik dan membantu menyediakan laporan berkala status tindakan undang-undang; dan
- d. Membantu menyediakan keperluan dokumentasi kepada peguam yang dilantik bagi urusan perletakan hak melalui Perintah Mahkamah, bantahan pengambilan tanah ke peringkat mahkamah dan lain-lain kes yang berkaitan.

JURUTERA (AWAM) – 1 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

- a. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- b. Mempunyai kemahiran analitikal, merancang dan menyelesaikan masalah berkaitan pengurusan projek; dan
- c. Mempunyai kemahiran dalam penulisan dan pertuturan serta kemahiran interpersonal.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab;

- a. Membantu mengawal dan menyelia pelaksanaan kerja-kerja di tapak projek;
- b. Membantu merancang pelaksanaan projek pembangunan yang dipertanggungjawabkan sehingga tempoh siap;
- c. Membantu menyelia penyelenggaraan projek; dan
- d. Membantu menyediakan laporan kemajuan projek pembangunan yang sedang/ belum dan akan dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan.

KETERANGAN KEKOSONGAN JAWATAN

PENOLONG JURUTERA (AWAM) – 1 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

- a. Diploma dalam bidang Kejuruteraan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- b. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu;

- a. Menyelaras isu-isu projek yang berkaitan aset keretapi;
- b. Menguruskan perkara berkaitan projek;
- c. Memantau projek penswastaan, persekutuan dan projek RAC;
- d. Menyediakan laporan kemajuan projek; dan
- e. Mengurusetiakan mesyuarat dalaman dengan pihak ketiga.

PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) – 1 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

- a. Diploma dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- b. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu;

- a. Menyelaras isu-isu projek yang berkaitan aset keretapi;
- b. Menguruskan perkara berkaitan projek;
- c. Memantau projek penswastaan, persekutuan dan projek RAC;
- d. Menyediakan laporan kemajuan projek; dan
- e. Mengurusetiakan mesyuarat dalaman dengan pihak ketiga.

PENOLONG JURUTERA (ELEKTRIKAL) – 1 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

- a. Diploma dalam bidang Kejuruteraan Elektrikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan
- b. Keutamaan diberikan kepada calon yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 hingga 2 tahun pengalaman berkaitan.

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab membantu;

- a. Menyelaras isu-isu projek yang berkaitan aset keretapi;
- b. Menguruskan perkara berkaitan projek;
- c. Memantau projek penswastaan, persekutuan dan projek RAC;
- d. Menyediakan laporan kemajuan projek; dan
- e. Mengurusetiakan mesyuarat dalaman dengan pihak ketiga.

KETERANGAN KEKOSONGAN JAWATAN

JURUFOTOGRAFI – 1 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

- a. Diploma dalam bidang fotografi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- b. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

- a. Mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang fotografi dan/atau kamera filem serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan;
- b. Mahir menggunakan aplikasi yang bersesuaian untuk proses suntingan gambar dan video

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab :

- a. Membantu dalam membuat liputan foto dan video bagi semua majlis/program/acara rasmi dan tidak rasmi di RAC dan program-program rasmi Kerajaan yang diarahkan dari semasa ke semasa;
- b. Membantu merancang dan menyelaras rancangan terbitan khas;
- c. Bertanggungjawab ke atas kualiti dan mutu foto dan video yang dirakam;
- d. Membantu menyediakan kapsyen untuk gambar-gambar bagi tujuan penerbitan;
- e. Membantu merekod dan menyimpan foto dan video yang dirakam dengan kemas dan teratur;
- f. Membantu menjaga peralatan kamera dan lain-lain peralatan yang berkaitan sebelum, semasa dan selepas majlis/program/acara; dan
- g. Membantu dalam memastikan pergerakan penggunaan kamera direkodkan dengan baik.

PENOLONG PEGAWAI TADBIR – 2 KEKOSONGAN

JENIS LANTIKAN : PEKERJA SAMBILAN HARIAN

SYARAT LANTIKAN

- a. Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; ATAU
- b. Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT TAMBAHAN

Mengutamakan calon yang memiliki sijil profesional berkaitan berikut:

- a. Pengurusan Hartanah;
- b. Pentadbiran/Pengurusan Perniagaan;
- c. Kewangan/Pengurusan Hasil;
- d. Pemasaran/Promosi Produk; atau
- e. Ukur Tanah

DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab:

- a. Membantu menguruskan Sistem RAIL berkaitan data sewaan/pajakan tanah/tumpang lalu;
- b. Membantu segala urusan berkaitan aktiviti sewaan/pajakan/tumpang lalu; dan
- c. Membantu merekod data terimaan bayaran hasil RAC dan pengurusan tunggakan bayaran.